

IBRAH BERDASARKAN BUDAYA MAKANAN MELAYU DALAM CERPEN MELAYU PILIHAN MUTAKHIR

**Kamariah Kamarudin,¹ Zaitul Azma Zainon Hamzah,² Pabiyah Hajimaming@Toklubok,³
Ida Baizura Bahar⁴**

¹²³⁴Jabatan Bahasa Melayu
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia

kkamaria@upm.edu.my, zaitul@upm.edu.my, pabiyah@upm.edu.my, idabb@upm.edu.my

ABSTRAK

Perkembangan kesusasteraan Melayu menyaksikan hubungan yang erat antara masyarakat dalam pengkaryaan. Hal ini demikian kerana kepekaan pengarang terhadap isu semasa dan persekitaran dalam masyarakat yang boleh dijadikan ibrah terhadap pembaca. Didapati bahawa persoalan yang dikemukakan dalam karya sastera khususnya karya prosa, iaitu sama ada novel atau cerpen bertitik-tolak daripada keupayaan pengarang untuk menyampaikan perutusan yang bermanfaat dalam pengkaryaan. Menurut perspektif Islam, ibrah merupakan pelajaran dan pengajaran yang boleh dijadikan iktibar dalam kehidupan. Hal ini sejajar dengan surah al-Hasyr ayat 2 yang bermaksud “ambillah ibrah (pelajaran darinya) wahai orang-orang yang celik mata hatinya” Berdasarkan terjemahan ayat al-Quran tersebut jelas menunjukkan bahawa ibrah dapat dijadikan sebagai tunjang untuk pembaca memperoleh perutusan yang berguna dalam pengkaryaan. Justeru, makalah ini menelusuri ibrah berdasarkan budaya makanan Melayu dalam cerpen Melayu pilihan, iaitu *Bihun Goreng Berkuah Laksa*, *Serondeng Nasi Pulut* dan *Kerana Kuih Koci*. Kajian akan memperhatikan tentang perlambangan dalam makanan Melayu untuk disejajarkan dengan masyarakat Melayu yang sarat dengan kepelbagaian menu dan hidangan. Berdasarkan kajian jelas menunjukkan bahawa menerusi budaya makanan Melayu terserlah ibrah yang dapat dijadikan panduan dan pedoman dalam pergulatan kehidupan. Hal ini demikian kerana perlambangan dalam budaya makanan Melayu dapat mendidik masyarakat ke arah kebaikan, kebenaran dan keindahan. Maka, ini sekali gus dapat membangun keperibadi dalam usaha merungkai kemaslahatan yang melingkari masyarakat hari ini.

Kata kunci: ibrah, budaya, makanan Melayu, cerpen Melayu, pilihan, mutakhir

PENDAHULUAN

Dalam konteks perkembangan persuratan Melayu tanah air, hubungan antara karya, pengarang dan khalayak saling memerlukan antara satu sama lain. Karya sastera sama ada prosa atau puisi sangat diperlukan sebagai hidangan yang sangat berguna untuk pembaca memperoleh sebanyak mungkin unsur pengajaran. Berdasarkan karya yang disuakan pengarang, memperlihatkan

pelbagai isu yang dikemukakan membawa kepada sebagai suatu perutusan dalam pengkaryaan. Sehubungan itu, pengajaran atau dalam konteks Islam, ibrah sangat diperlukan dalam sesebuah karya yang dihasilkan oleh seseorang pengarang sebagai suatu wasilah dalam kehidupan. Sementara itu pula masyarakat Melayu sarat dengan pelbagai budaya yang dapat mencerminkan gambaran kehidupan golongan terbabit. Salah satu daripadanya merupakan budaya makanan yang menyerlahkan hubung kait antara masyarakat Melayu dengan lingkarannya.

Secara umumnya, budaya makanan Melayu yang terdapat di tanah air memperlihatkan penduduknya yang mempunyai pelbagai kaum yang diterajui oleh pelbagai jenis makanan tradisional sejak turun temurun. Diperhatikan bahawa budaya makanan Melayu yang diwarisi dalam masyarakat ini sangat unik kerana ianya juga memperlihatkan demografi penempatan wilayah dan negeri masing-masing. Hal ini dapat ditelusuri pada pelbagai masakan yang terdapat di tanah air yang menjadi hidangan dalam sesebuah masyarakat. Masakan asam pedas sebagai contohnya merupakan budaya makanan Melayu yang berasal dari negeri Melaka. Diikuti dengan masakan rendang tok (Perak), ikan singgang (Terengganu), gulai lemak cili api (Negeri Sembilan), laksa Penang (Pulau Pinang), gulai tempoyak ikan patin (Pahang), nasi kerabu (Kelantan), dan lain-lain yang merakamkan budaya makanan Melayu kaya dengan ramuan dan sarat dengan hidangan yang beraneka citarasa.¹

Oleh yang demikian, berdasarkan budaya makanan Melayu yang terdapat dalam masyarakat tersebut telah membawa kepada usaha pengarang tanah air untuk merakamkan isu berkenaan dalam karya sastera Melayu. Maka, kajian ini akan menelusuri perkembangan budaya makanan Melayu dalam karya sastera Melayu moden. Didapati bahawa pengarang mengutarakan isu tentang budaya makanan Melayu sebagai mewakili demografi dan latar belakang kepengarangan mereka masing-masing.

BUDAYA MAKANAN MELAYU DALAM KARYA SASTERA MELAYU MODEN

Walaupun pengutaraan tentang budaya makanan Melayu telah ditampilkan pengarang dalam beberapa buah karya sastera Melayu tanah air sejak dekad 1980-an lagi, namun penghasilannya agak langka. Hanya beberapa buah cerpen yang ditemui yang rata-ratanya menjadikan menu dan hidangan makanan Melayu dalam sama ada cerpen atau novel. Antara yang dapat diteliti adalah cerpen *Nasinya Tumpah* (Fatimah Busu, 1980), *Tulang Pekasam Ikan Puyu* (Azizi Haji Abdullah, 1983), *Ambuyat* (Shuhaibun Yusof, 2002), *Lemang Nan Sebatang* (Nisah Haron, 2009), *Jeruk Maman Emak* (Lee Keok Chih, 2011), dan *Gulai Tempoyak Ikan Sebarau* (Malim Ghozali PK, 2013). Selain itu, dalam genre novel pula, antara yang dapat disorot ialah *Ketupat Cinta* (Faisal Tehrani, 2010) *Gulai Siput Daun Kaduk* (Fida Rohani, 2016), dan lain-lain yang menjadikan makanan Melayu sebagai tunjang dalam pengkaryaan.

Maka, kajian ini akan menelusuri tiga buah cerpen Melayu mutakhir, iaitu *Bihun Goreng Kuah Laksa*, *Serondeng Nasi Pulut* dan *Kerana Kuih Koci*. Penelitian terhadap cerpen Melayu mutakhir ini akan disejajarkan dengan ibrah dalam konteks Islam, iaitu pelajaran dan pengajaran yang boleh dijadikan perutusan dalam kehidupan. Jadi, berdasarkan ketiga-tiga buah cerpen ini akan diperhatikan tentang iktibar yang boleh dijadikan panduan dan pedoman pembaca

khususnya khalayak golongan muda hasil daripada garapan budaya makanan Melayu dalam karya masing-masing.

Justeru, ibrah menurut perspektif Islam akan ditelusuri dalam kajian ini sebagai wadah perbincangan dan wasilah antara karya sastera Melayu khasnya dalam cerpen mutakhir pilihan.

IBRAH MENURUT PERSPEKTIF ISLAM

Menurut perspektif Islam, ibrah merupakan pelajaran dan pengajaran yang boleh dijadikan iktibar dalam kehidupan. Hal ini sejajar dengan surah al-Hasyr ayat 2 yang bermaksud “ambillah ibrah (pelajaran darinya) wahai orang-orang yang celik mata hatinya” sebagai suatu usaha untuk mengajak manusia sering bermuhasabah dalam pergelutan kehidupan. Berdasarkan terjemahan ayat al-Quran tersebut jelas menunjukkan bahawa ibrah dapat dijadikan sebagai tunjang untuk pembaca memperoleh perutusan yang berguna dalam pengkaryaan. Hal ini sejajar dengan pandangan Islam bahawa sebagai manusia pasti mempunyai beberapa tanggungjawab, iaitu sebagai pelaksana janji dengan Allah, sebagai khalifah Allah di bumi dan sebagai pengembang amanat.² Malahan dalam al-Quran banyak surah yang memperkatakan tentang ibrah sebagai suatu suntikan semangat terhadap manusia melangsungkan hayat di muka bumi ini. Hal ini dapat diperhatikan dalam buku banyak kajian tentang kesyumulun Islam, misalnya dalam memperkatakan tentang nilai-nilai moral dalam al-Quran.³ Selain itu, ibrah juga seringkali bergandingan dengan *mau'izah*, iaitu peringatan⁴, namun dalam konteks kajian ini hanya pelajaran dan pengajaran yang akan diberikan keutamaan penjelasan.

Oleh yang demikian, kajian ini akan meneliti ibrah dalam budaya makanan Melayu dalam cerpen Melayu pilihan mutakhir. Cerpen-cerpen terbabit iaitu, *Bihun Goreng Berkuah Laksa* (Nordin Saad, 2015), *Serondeng Nasi Pulut* (Jamilah Epin, 2016) dan *Kerana Kuih Koci* (Fathul Khair Mohd Dahlan, 2016). Ibrah akan diperhatikan menerusi dua perkara, iaitu ibrah tentang keagamaan dan ibrah tentang kekeluargaan. Secara umumnya, ibrah akan diteliti menerusi usaha pengarang merakamkan isu dan persoalan tentang budaya makanan Melayu yang menjadi tunjang pengkaryaan pengarang masing-masing untuk dipertalikan dengan keagamaan dan kekeluargaan. Didapati bahawa karya yang dihasilkan pengarang mewakili demografi dan latar belakang kepengarangan yang difahami menerusi asal usul mereka. Misalnya Nordin Saad berasal dari utara, maka tidak hairan cerpen yang dihasilkan ialah *Bihun Goreng Berkuah Laksa* yang sinonim dengan penduduk utara, disusuli oleh Jamilah Epin yang dilahirkan di Simunjan, Sarawak yang mengemukakan cerpen *Serondeng Nasi Pulut* sejajar dengan budaya bumi Kenyalang dan Fathul Khair Mohd Dahlan yang merupakan anak jati Selangor mengutarakan cerpen *Kerana Kuih Koci* selaras dengan menu masyarakatnya dalam pengkaryaan masing-masing.

IBRAH BERDASARKAN BUDAYA MAKANAN MELAYU DALAM CERPEN MELAYU PILIHAN

Ibrah Tentang Keagamaan

Ibrah tentang keagamaan dalam cerpen dapat diperhatikan menerusi usaha pengarang menghantar pengajaran yang berguna kepada pembaca sebagai iktibaran dalam memantapkan ilmu Islam. Hal ini dapat diperhatikan dalam ketiga-tiga buah cerpen kajian. Penyediaan hidangan makanan Melayu dalam cerpen masing-masing telah membawa suatu perlambangan murni yang menawarkan ibrah tentang keagamaan kepada pembaca.

Sehubungan itu, berdasarkan cerpen *Bihun Goreng Berkuah Laksa*, garapan mengenai ibrah tentang keagamaan terserlah terhadap pendidikan dalam sesebuah rumahtangga. Peri pentingnya nilai pendidikan agama yang seharusnya diasuh seseorang suami dan isteri terhadap anak-anak dengan pemakanan yang baik dan halal. Maka, dalam cerpen *Bihun Goreng Berkuah Laksa*, gambaran watak Nordiana Humairah yang merupakan satu-satunya anak terhadap pasangan Hamizah dan suaminya, Razali telah mengutuskan ibrah keagamaan kepada pembaca. Hal ini demikian kerana hasil didikan agama yang diberikan oleh seseorang ibu terhadap anak ekoran daripada air tangannya yang ikhlas memasak telah membentuk keperibadian mulia terhadap anak perempuannya walaupun ibunya telah meninggal dunia. Keperibadian Nordiana Humairah sebagai seorang anak gadis yang sering mengingati pesanan dan nasihat ibunya dalam menghormati orang lain terutamanya ayahnya sendiri jelas dipaparkan dalam cerpen ini. Pengarang mengungkapkan bahawa hidangan bihun goreng berkuah laksa sebagai suatu budaya makanan Melayu yang dapat memupuk rasa cinta dan kasih-sayang seorang anak terhadap kedua-dua orang tuanya walaupun usia anak telah meningkat remaja dan dewasa. Malahan menu bihun goreng berkuah laksa itu menjadi pengikat tanda hormat dan saling mengingati antara seseorang anak dengan kedua-dua ibu bapanya. Hal ini sejajar dengan pandangan Islam yang menganjurkan agar anak-anak wajar diberikan makanan yang baik dan halal yang membawa kepada kecintaan mereka kepada ajaran dan didikan ibunya dengan sempurna dalam kehidupan:

Nordiana Humairah memerhati papanya dengan penuh kasih-sayang. Bihun goreng berkuah laksa yang sedang dinikmatinya itu ditolak ke tepi dengan cermat. Matanya tetap dihalakan ke wajah Razali yang duduk di hadapannya itu. Sememangnya begitu sikapnya. Nordiana Humairah amat menghormati papanya. Setiap tutur kata papanya akan didengari penuh teliti. Tidak pernah sama sekali dia membelakangi papanya atau menoleh ke arah lain tatkala bercakap dengan papanya. Itulah pesanan mamanya yang tidak mungkin dilupai. Dia masih ingat sangat pesanan itu, walaupun mamanya sudah hampir tiga tahun pulang ke rahmatullah. Dan pesanan arwah mamanya masih terus utuh dalam fikirannya seperti teguhnya ingatan Nordiana Humairah kepada mamanya itu. (Nordin Saad, hlm. 2)

Seterusnya dalam cerpen *Serondeng Nasi Pulut*, ibrah tentang keagamaan turut dikemukakan pengarang menerusi usaha mengenengahkan hidangan serondeng nasi pulut sebagai wasilah yang berguna kepada khalayak pembaca untuk memahami perbezaan antara budaya dan tuntutan agama. Cerpen ini mengutarakan sudut pandang seorang anak yang berusaha menasihati ibunya dalam keagamaan menerusi hidangan serondeng nasi pulut dalam budaya peribumi Sarawak. Didapati bahawa menu warisan peribumi Sarawak ini menjadi hidangan utama sebagai perantara antara orang hidup dengan orang yang telah meninggal dunia. Hal ini bertentangan dengan ajaran Islam bahawa tidak ada unsur pujaan terhadap golongan nenek moyang yang telah meninggal dunia. Justeru, pengarang menampilkan isu tentang sesetengah masyarakat Melayu Sarawak yang masih lagi terikat dengan budaya yang bertentangan dengan agama dalam cerpen *Serondeng Nasi Pulut*. Cerpen ini membawa ibrah tentang keagamaan kepada pembaca lantaran menu serondeng nasi pulut yang menjadi makanan dalam budaya Melayu itu tidak sewajarnya dijadikan hidangan sebarangan. Pengarang menyedarkan seorang ibu yang terlalu fanatik kepada nenek moyangnya dengan menjadikan hidangan serondeng nasi pulut sebagai makanan kepada orang yang telah meninggal dunia sebagai suatu yang syirik di sisi agama. Hal ini dapat diperhatikan dalam contoh petikan ini: “Ya, mak faham. Syukurlah kakak kamu itulah yang banyak membimbing mak dan kita sekeluarga beriman kepada Allah Yang Esa dan banyak menerangkan ilmu agama kepada kita (Jamilah Epin, hlm. 44).

Malahan, hidangan serondeng nasi pulut pulut sebenarnya merupakan simbol kepada keyakinan masyarakat Melayu bumi Kenyalang tentang perbezaan antara budaya dengan tuntutan agama yang sering disalah tafsir oleh kebanyakan orang. Jadi, cerpen ini telah menyuntik ibrah tentang keagamaan bahawa Islam amat menentang unsur syirik dalam budaya Melayu khususnya dalam penyediaan hidangan makanan Melayu, iaitu serondeng nasi pulut yang terkenal dalam kalangan masyarakat Sarawak. Pengarang mengajak pembaca menyedari peri pentingnya ilmu agama sebagai suatu pencerahan dalam kehidupan menerusi budaya makanan Melayu:

“Ya, mak. Din yang buat kerja tu. Menurut Along ketika itu, menghidangkan makanan kepada orang yang sudah tiada, hukumnya syirik. Kita mempercayai bahawa roh orang yang mati akan datang bertandang untuk makan makanan yang dihidangkan. Sebaliknya tiada satu roh pun yang berbuat demikian, mak. Nasihat Along ketika itu, doa dan sedekah buat arwah itulah makanan untuk mereka. Bukannya ritual seperti itu...,” ucapku panjang lebar.

(Jamilah Epin, hlm. 45)

Seterusnya menerusi cerpen *Kerana Kuih Koci*, pengarang menampilkan ibrah tentang keagamaan berdasarkan ketaatan seorang anak terhadap ibunya dalam merealisasikan kehidupan ini. Pengarang mengutarakan kesungguhan seorang ibu dalam melunasi tanggungjawabnya sebagai wanita yang akur pada perintah agama. Cerpen ini mengungkapkan kemuliaan hati seorang ibu yang sanggup menyediakan makanan yang terbaik buat anak-anaknya. Salah satu

daripada hidangan yang disediakan ibu ialah kuih koci yang menunjukkan kegigihannya bagi menggembarakan hati anak-anak dan keluarga. Didapati bahawa penyediaan hidangan kuih koci dalam budaya Melayu agak renyah kerana perlu melengkapkan bahan-bahannya seperti tepung, inti kelapa dan daun pisang, namun ianya bukan halangan bagi seorang ibu yang menyedari amanah yang tergalas di bahu. Pengarang menyuguhkan keperibadian seorang ibu yang sangat sabar, cekal dan santun dalam membesarkan anak-anak dengan menyediakan hidangan makanan yang terbaik dan berkhasiat sebagaimana pembuatan kuih koci. Hidangan kuih tradisional yang diajukan dalam cerpen ini memperlihatkan usaha kental seorang ibu yang bukan sekadar mengenyangkan perut anak-anak bahkan cara penyediaan hidangan tersebut yang disusuli dengan selawat dan doa telah membawa ibrah tentang agama. Didapati bahawa anak-anak dalam cerpen ini sangat menghargai ibunya yang sentiasa menyediakan hidangan yang terbaik untuk keluarga dengan sarat kasih-sayang dan perhatian. Hal ini dapat diperhatikan sebagaimana contoh petikan berikut:

Sesungguhnya, air tangan daripada ibu mempunyai seribu satu hikmah. Setiap gaulan, dan sentuhan, disusuli selawat dan doa yang terbaik untuk anak-anaknya, agar menjadi insan yang soleh dan solehah serta berguna kepada sekalian marga masyarakat. Selama makanan itu terhadam di dalam jasad, selama itulah iringan doa ibu itu mengalir ke dalam pembuluh darah yang berselirat.

(Fathul Khair Mohd. Dahlan, hlm. 9)

Ibrah tentang kekeluargaan

Ibrah tentang kekeluargaan dalam cerpen memperlihatkan pengajaran menerusi hidangan dalam budaya makanan Melayu sebagai simbol keharmonian dalam kehidupan. Justeru dalam ketiga-tiga buah cerpen yang dikaji hal ini jelas dikemukakan pengarang. Nordin Saad yang mempertaruhkan hidangan bihin goreng laksa jelas memperlihatkan keterikatannya sebagai seorang anak kelahiran utara, disusuli dengan Jamilah Epin yang serasi dengan latar hidup sebagai warga bumi Kenyalang dengan menu serondeng nasi pulut atau kelupis dan Fathul Khair Mohd Dahlan yang dibesarkan di Selangor lazimnya terkenal dengan juadah kuih koci.

Sehubungan itu, menerusi cerpen *Bihin Goreng Berkuah Laksa* menyerlahkan ibrah tentang kekeluargaan diperhati apabila gambaran sebuah rumahtangga yang sarat dengan kasih-sayang hasil sentuhan air tangan seorang wanita dalam masakan diutarakan pengarang. Didapati bahawa watak Nordiana Humairah merupakan anak kepada pasangan Hamizah dan Razali yang sangat santun dalam keperibadian. Menerusi masakan bihin goreng berkuah laksa yang dimasak Hamizah semasa hayatnya telah membawa kepada ingatan dan kecintaan anaknya kepada dirinya sebagai seorang wanita yang sangat dihormati dan dimuliakan. Walaupun Hamizah telah meninggal dunia, namun masakan Hamizah tetap menjadi penyatuan kasih-sayang antara anaknya, Nordiana Humairah terhadapnya jelas menunjukkan ibrah tentang kekeluargaan diungkap pengarang dalam cerpen ini sebagai iktibaran kepada pembaca. Malahan rasa hormat dan kasih Nordiana Humairah pada ayahnya, Razali tidak berbelah bahagi sebagaimana pesanan

dan nasihat Allahyarhamah Hamizah terhadap anaknya itu. Ternyata air tangan ibu dalam menyediakan menu bihun goreng berkuah laksa menjadi pengikat kasih-sayang yang berkekalan antara seseorang anak dalam keluarga. Maka jelas bahawa budaya makanan Melayu dalam sesebuah keluarga dengan penyediaannya walaupun agak renyah sebenarnya telah menjadi nadi kekuatan hubungan yang mantap dalam kekeluargaan:

...Matanya merenung sayu ke muka Razali yang berusia awal 50-an itu. Sekali-sekala matanya menjeling ke arah pinggan kaca putih jernih yang berisi bihun goreng berkuah laksa itu. Tinggal separuh lagi makanan kegemarannya dalam pinggan itu. Seleranya pada makanan itu tidak pernah pudar. Itulah makanan kegemarannya sejak zaman kanak-kanak lagi. Dia sendiri tidak menyangka betapa bihun goreng berkuah laksa yang menjadi kegemaran arwah mamanya, kini dia pula yang mewarisinya. (Nordin Saad, hlm. 3)

Seterusnya ibrah tentang kekeluargaan dalam cerpen *Serondeng Nasi Pulut* disorot apabila watak utamanya yang sangat menghormati dan menyayangi ibunya walaupun orang tua itu telah meninggal dunia..Rasa kasih-sayang yang dikemukakan dalam cerpen ini dizahirkan dalam hidangan budaya makanan Melayu, iaitu serondeng nasi pulut yang menjadi masakan turun-temurun dalam sesebuah keluarga dalam masyarakat Melayu di bumi Kenyalang. Menerusi masakan serondeng nasi pulut ini juga memperlihatkan hubungan yang utuh dalam sesebuah keluarga dan dipertahankan agar tidak ditelan zaman. Malahan hidangan serondeng nasi pulut bukan sekadar masakan untuk memperingati nenek moyang yang telah meninggal dunia bahkan menjadi medan dalam mempertautkan ilmu agama dalam jalinan kekeluargaan. Pengarang menyingkap tentang peranan seorang anak yang memiliki ilmu agama yang padu akan menegur dan menasihati ibunya yang kurang arif dalam hukum-hakam Islam. Hal ini terserlah apabila seorang ibu diberi pencerahan agama tentang ritual menyediakan hidangan serondeng nasi pulut bukan semata-mata tanda ingatan untuk ahli keluarga yang telah meninggal dunia bahkan sebagai penyatuan kasih-sayang dalam kekeluargaan. Hal ini demikian kerana bagi seseorang yang telah meninggal dunia hanya amalan dan doa yang kudus boleh disedekahkan kepada mereka, dan hidangan masakan sebenarnya hanya sekadar tanda ingatan dan kasih-sayang semata-mata:

Mak sedang sibuk ulang-alik dengan kelupisnya. Istilah kelupis dalam loghat Sarawak ialah nasi pulut yang dimasak dengan air santan kelapa. Separuh masak, kemudian dibalut dengan daun palas. Kemudian, dikukus di dalam pengukus untuk memastikan ia betul-betul masak dan tahan lama. Paling lama pun bertahan selama seminggu. Tidak basi terlalu cepat. (Jamilah Epin, hlm. 42)

Selain itu, ibrah tentang kekeluargaan dalam cerpen *Kerana Kuih Koci* pula memaparkan tentang kasih sayang seorang ibu telah membuatkan seorang anak mencintai pelbagai kuih tradisi yang

dibuat olehnya. Walaupun pada peringkat awal anaknya agak tidak menggemari kuih koci lantaran inti kelapanya yang dianggap sebagai ulat kecil, namun berkat penyediaannya yang disusuli dengan usaha yang agak renyah menjadikan anaknya berubah sikap. Cerpen ini memperlihatkan jalinan hubungan kasih-sayang dan kemesraan dalam sebuah keluarga hasil daripada penyediaan kuih koci yang dilakukan oleh seorang ibu terhadap anak-anaknya. Diperhatikan bahawa kuih koci sebagai simbol keutuhan ikatan persaudaraan dalam kalangan ahli keluarga ketika berkumpul menikmati hidangan minum petang. Pengarang mengungkapkan kepentingan kuih muih tradisional khususnya kuih koci dalam kalangan masyarakat Melayu sebagai sumbangan yang sangat besar terhadap kecintaan generasi muda pada budaya makanan Melayu agar ianya tidak lapuk ditelan zaman. Malahan ini sekali gus dapat mempereratkan hubungan antara golongan tua dan muda dalam sesebuah keluarga bagi mempertahankan warisan budaya makanan Melayu. Maka, jelas bahawa cerpen ini menitipkan ibrah tentang kekeluargaan dalam budaya makanan Melayu untuk iktibar khalayak pembaca:

Haruman kuih koci yang dikukus bersama daun pisang membangkitkan selera untuk menjamahnya. Selesai segala urusan, kami sekeluarga berkumpul di dapur. Menikmati hidangan minum petang. Air teh-O panas, kuih koci labu dan pisang goreng. Banyak kuih koci yang aku makan. Tiada lagi bayangan ulat-ulat kecil. Bukan kuih koci sahaja, sekarang semua jenis kuih yang ada inti kelapa dan kelapa parut aku boleh makan. (Fathul Khair Mohd Dahlan, hlm. 8)

PENUTUP

Secara keseluruhannya dapatlah dikatakan bahawa ibrah berdasarkan budaya makanan Melayu dalam cerpen Melayu pilihan jelas menunjukkan beberapa pengajaran yang boleh dijadikan perutusan yang sangat berguna kepada khalayak pembaca. Menerusi hidangan masakan Melayu dalam budaya makanan Melayu telah memperlihatkan usaha pengarang mengungkapkan simbol yang tersendiri dalam mengajak pembaca bermuhasabah dan merenung tentang kehidupan. Ibrah tentang keagamaan jelas terpancar dalam cerpen *Bihun Goreng Berkuah Laksa*, *Serondeng Nasi Pulut* dan *Kerana Kuih Koci* berdasarkan watak dan perwatakan yang dibangunkan dalam ketiga-tiga cerpen terbabit sebagai pengajaran dalam memantapkan ilmu agama dalam membentuk keperibadian dan melunasi permasalahan sehari-harian.

Seterusnya ibrah tentang kekeluargaan dalam ketiga-tiga cerpen yang dikaji turut mengajak pembaca mencintai warisan budaya makanan Melayu dalam kalangan ahli keluarga, menyayangi adik-beradik hasil daripada hidangan air tangan ibu dan mematuhi segala perintah ibu-bapa ekoran daripada sajian turun-temurun sebagai suatu wasilah dalam hubungan persaudaraan. Cerpen *Bihun Goreng Berkuah Laksa*, *Serondeng Nasi Pulut* dan *Kerana Kuih Koci* telah menyuguhkan pengajaran terhadap khalayak pembaca agar meletakkan institusi kekeluargaan sebagai puncak keutamaan dalam merealisasikan pergulatan kehidupan. Didapati bahawa hidangan makanan Melayu dalam ketiga-tiga buah cerpen terbabit berupaya menjadikan warisan budaya Melayu sebagai suatu pengajaran yang sangat bermakna dalam

memperkukuhkan keagamaan dan kekeluargaan. Malahan bihun goreng berkuah laksa, serondeng nasi pulut dan kuih koci dilihat sebagai suatu lambang penyatuan dan kasih-sayang antara manusia dengan manusia (*habl min al-Nas*) seterusnya ikatan manusia dengan Yang Maha Pencipta (*habl min Allah*).

Nota Hujung

1 Perbincangan lanjut, sila rujuk Kamariah Kamarudin, 2016. “Budaya Makanan Melayu dalam Cerpen-cerpen Melayu Pilihan” dlm. Prosiding *Seminar Antarabangsa Arkeologi, Sejarah, Budaya, dan Bahasa di Alam Melayu Nusantara (ASBAM) ke-5* di Makassar pada 26-27 Julai 2016, hlm. 210-215

² H. Syahminan Zaini, 1990. *Jalur Kehidupan Manusia Menurut al-Quran*, Jakarta: Penerbit Kalam Mulia, hlm. vi

³ Harun Yahya, 2004. *The Moral Values of The Qur'an*. Kuala Lumpur: Al-Hidayah Publishers, hlm. 7-8

⁴ Lulu Maknun, Udin Supriadi, Mokh. Iman Firmansyah, 2017. “Efektivitas Method Ibrah Mau'izah dalam Model Pembelajaran dalam Student Team Achievement Divisions Terhadap Prestasi Belajar Siswa Pada Mata Pelajaran Akidah Akhlak di MTS Plus Darulhufaz Jatinangor” dlm. *Tarbawy, Indonesian Journal of Islamic Education, Vol. 4, No. 2, (2017)*, hlm. 109

Bibliografi

Fathul Khair Mohd Dahlan, 2016. *Sfera Bersegi 5*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan & Buku Malaysia.

H. Syahminan Zaini, 1990. *Jalur Kehidupan Manusia Menurut Al-Quran*. Jakarta: Penerbit Kalam Mulia.

Harun Yahya, 2004. *The Moral Values of The Qur'an*. Kuala Lumpur: Al-Hidayah Publishers.

Jaffary Awang, 2003. “Kajian Budaya dalam Konteks Dakwah Serantau” dlm. *Dakwah dalam Perspektif Sosio-Budaya Malaysia-Indonesia*, Bangi: Jabatan Pengajian Dakwah & Kepimpinan, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Jamilah Epin, 2016. *Serondeng Nasi Pulut*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan & Buku Malaysia.

Kamariah Kamarudin, 2016. “Budaya Makanan Melayu dalam Cerpen-cerpen Melayu Pilihan” dlm. *Prosiding Seminar Antarabangsa Arkeologi, Sejarah, Budaya, dan Bahasa di Alam Melayu Nusantara (ASBAM) ke-5* di Makassar pada 26-27 Julai 2016.

Lulu Maknun, Udin Supriadi, Mokh. Iman Firmansyah, 2017. “Efektivitas Method Ibrah Mau'izah dalam Model Pembelajaran dalam Student Team Achievement Divisions Terhadap Prestasi Belajar Siswa Pada Mata Pelajaran Akidah Akhlak di MTS Plus Darulhufaz Jatinangor” dlm. *Tarbawy, Indonesian Journal of Islamic Education, Vol. 4, No. 2, (2017)*.

Nordin Saad, 2015. *Bihun Goreng Berkuah Laksa*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan & Buku Malaysia.